

25/01/2001

Tahun Baru Cina disambut meriah di seluruh negara

man Hashim; Arhiza Ahmad

KUALA LUMPUR, Rabu - Rakyat Malaysia berketurunan Cina yang menyambut Tahun Baru Cina hari ini, mengekalkan keunikan tradisi masyarakat majmuk yang menjadi amalan tradisi dengan mengadakan rumah terbuka.

Seperti juga perayaan lain, pelbagai lapisan masyarakat, termasuk pelancong asing mengambil kesempatan merasai kemeriahan sambutan Tahun Baru Cina dengan mengunjungi rumah terbuka yang diadakan.

Di ibu negara, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, mengunjungi jamuan tengah hari sempena Tahun Baru Cina yang dihoskan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding.

Majlis yang diadakan di hotel Ritz-Carlton itu turut dihadiri kira-kira 120 jemputan khas termasuk Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri serta beberapa menteri Kabinet dan tokoh perniagaan.

Sementara itu, MCA mengadakan rumah terbuka di Wisma MCA, Jalan Ampang, manakala Gerakan pula mengadakan acara sama di ibu pejabatnya di Menara PGRM, Cheras dekat sini.

Lebih 5,000 orang daripada pelbagai lapisan masyarakat mengunjungi rumah terbuka MCA manakala lebih 3,000 orang hadir di rumah terbuka Gerakan.

Mereka diraikan oleh Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik.

Di GEORGETOWN, lebih 6,000 tetamu mengunjungi rumah terbuka Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dan isteri, Puan Sri Chui Kah Peng yang diadakan di Rumah Tetamu di Jalan Macalister di sini.

Turut hadir, Timbalan Ketua Menteri, Datuk Dr Hilmi Yahya; Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Khalid Ramli dan Ahli Exco Kerajaan Negeri.

Turut mengadakan rumah terbuka, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Alam Sekitar dan Pengurusan Lalu Lintas negeri, Dr Teng Hock Nan di kediamannya di Pulau Tikus.

Di KUCHING, hujan renyai-renyai kira-kira jam 10.30 pagi tidak menghalang masyarakat Cina mengadakan rumah terbuka.

Pemangku Yang di-Pertuan Negeri, Tun Abang Muhammad Salahuddin dan isteri, Toh Puan Norkiah serta Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud dan isteri, Puan Sri Laila, turut mengunjungi pemimpin dan rakan berketurunan Cina.

Pagi ini, mereka mengunjungi rumah terbuka bersama lima pemimpin Cina yang diadakan di Dewan Masyarakat, Jalan Padungan.

Mereka yang mengadakan rumah terbuka itu ialah Menteri Muda Pembangunan Perindustrian, Datuk Sim Kheng Hui; Menteri Muda Perancangan dan Pengurusan Sumber, Alfred Yap Chin Loi; Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoo Seng; Ahli Parlimen Bandar Kuching, Datuk Song Swee Guan dan Datuk Bandar Kuching Selatan, Chan Seng Khai.

Di ALOR STAR, Pengerusi Badan Perhubungan MCA negeri, Datuk Chua Jui Meng, mengadakan rumah terbuka di Dewan Sekolah Menengah Keat Hawa (Persendirian) di Jalan Pegawai, di sini.

Sementara itu, Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan MCA negeri yang juga Ahli Exco, Datuk Beh Heng Seong, turut mengadakan rumah terbuka di Dewan Sekolah Rendah (Jenis) Kebangsaan Zung Hwa di Gurun, tengah hari ini.

Di KUALA TERENGGANU, perayaan Tahun Baru Cina disambut meriah dengan beberapa pemimpin masyarakat, termasuk MCA dan ahli perniagaan mengadakan rumah terbuka.

Ketua MCA bahagian Kuala Terengganu, Wong Foon Meng, yang juga Timbalan Pengerusi Perhubungan MCA negeri mengadakan rumah terbuka di kediamannya, di Jalan Air Jernih, sejak jam 10 pagi.

Pengerusi MCA negeri, Datuk Tok Teng Sai, juga mengadakan rumah terbuka di kediamannya tidak jauh dari situ.

Di KOTA BHARU, Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, menghadiri majlis rumah terbuka Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan Masyarakat, Pelancongan, Kebudayaan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), Anuar Tan Abdullah, di Pusat Khidmat Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kota Lama, di Jalan Kebun Sultan, di sini.

Di JOHOR BAHRU, Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman bersama beberapa Ahli Exco negeri, Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) menghadiri sambutan Tahun Baru Cina anjuran Persatuan Tionghua Johor Bahru serta Dewan Perniagaan dan Perindustrian Tionghua Johor Bahru.

Tidak ketinggalan mengadakan rumah terbuka ialah Adun Stulang, Freddie Long selain Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan negeri, Datuk Jimmy Low di Simpang Renggam dan Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Alam Sekitar negeri, Datuk Dr Chua Soi Lek di Batu Pahat.

Di MELAKA, Yang Dipertua Negeri, Tun Syed Ahmad Shahabuddin dan isteri, Toh Puan Marfuza Sheikh Ahmad; Ketua Menteri, Datuk Wira Mohd Ali Rustam dan beberapa Ahli Exco Negeri, adalah antara mereka yang menghadiri majlis rumah terbuka anjuran MCA negeri di Dewan Taming Sari, Ayer Keroh.

Pengerusi Gerakan negeri, Datuk Chua Peng Song, turut mengadakan rumah terbuka di kediamannya di Jalan Bukit Baru.

Di SEREMBAN, lebih 5,000 orang menghadiri rumah terbuka anjuran Badan Perhubungan MCA negeri yang diadakan di ruang legar Majlis Perbandaran Seremban (MPS).

Antara kenamaan yang hadir ialah Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad dan isteri, Puan Sri Hazizah Tumin.

(END)